

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

3. Berapakah jumlah sisa pepejal yang diuruskan dalam kawasan pulau mengikut bulan bagi tahun 2017?
 - (a) Adakah terdapat pengurangan sisa pepejal berkenaan selepas pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Jumlah sisa pepejal yang diuruskan dalam kawasan pulau mengikut bulan bagi tahun 2017 adalah seperti jadual di **Lampiran A**.
 - (a) Sejak pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca pada tahun 2016, terdapat peningkatan sebanyak 15,663.70 tan sisa pepejal domestik yang dijana di kawasan pulau iaitu 221,576.18 tan bagi tahun 2015 dan 237,239.88 tan bagi tahun 2017. Peningkatan penjanaan sisa pepejal domestik ini berlaku disebabkan pertambahan penduduk dan pembangunan yang pesat di kawasan pulau. Walau bagaimanapun sejak pelaksanaan dasar ini terdapat peningkatan sebanyak 2.17% kadar kitar semula yang direkodkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu 27.51% pada tahun 2015 kepada 29.68% pada tahun 2017.